



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Rujukan: UKM.AKA.100-1/3/5

Tarikh: 21 Oktober 2022

PEKELILING AKADEMIK BIL. 33/2022

Semua Dekan/Pengarah

Fakulti/Institut/Pusat

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

**PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN PADA 25 OKTOBER 2022
– SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan Perayaan Hari Deepavali yang akan disambut pada 24 Oktober 2022 (Isnin).

Sehubungan dengan itu, bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan berhubung perkara seperti yang berikut kepada semua pelajar yang berbangsa India/penganut agama Hindu pada 25 Oktober 2022 (Selasa) sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut:

- i. Memberi pelepasan kuliah dan aktiviti P&P; dan
- ii. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian.

Pihak universiti juga mengingatkan pelajar agar sentiasa mematuhi SOP bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19. Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

'Selamat Menyambut Hari Deepavali'

Sekian.

Yang benar,

PROF. DR. MOHAMMAD BIN KASSIM

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.: - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-8921 5016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

- Timbalan Naib Canselor (Hal Enwall Jaringan Industri, dan Masyarakat), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
- Pendaftar, UKM
- Penasihat Undang-Undang, UKM
- Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM
- Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
- Yang Dipertua, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-8921 5016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>